

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN - DAP]**

TARIKH : 19 JUN 2014 (KHAMIS)

SOALAN (NO. 132)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan peruntukan bajet lima tahun yang lepas kepada Persatuan Bola Sepak Malaysia dan relatif peningkatan prestasi sukan tersebut dalam tempoh yang sama.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 2008 hingga 2013, Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) telah menerima peruntukan sebanyak RM 14,645,421 dari Kerajaan melalui Majlis Sukan Negara Malaysia.
2. Segala peruntukan yang diterima adalah bagi pelaksanaan program terutama untuk persediaan pasukan kebangsaan. Antara kejayaan yang telah dicapai melalui peruntukan yang disalurkan kepada skuad kebangsaan apabila memenangi pingat emas di temasya Sukan SEA 2009 di Laos. Kali terakhir pasukan bola sepak kebangsaan memenangi pingat emas temasya Sukan SEA yang dianjurkan di luar Kuala Lumpur adalah pada tahun 1979 iaitu di Jakarta, Indonesia. Pada tahun 2010, pasukan kebangsaan telah berjaya menjuarai Piala AFF Suzuki dengan menewaskan pasukan Indonesia di perlawanan akhir. Di temasya Sukan SEA 2011 di Indonesia, pasukan kebangsaan telah sekali lagi berjaya mempertahankan pingat emas Sukan SEA yang dimenangi di Laos pada tahun 2009.

Sekian, terima kasih.